

SULIT  
1103/1  
BAHASA MELAYU  
Kertas 1  
Sept/Okt 2010  
2 JAM 15 MINIT



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PAHANG

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2010**

---

**BAHASA MELAYU**

Tingkatan 5

Kertas 1

Dua Jam Lima Belas Minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab soalan bahagian A dan satu soalan daripada bahagian B*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau tulisan Jawi.*

---

*Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak*

**BAHAGIAN A**

(30 MARKAH)

*(Masa dicadangkan :45 minit)*

Baca dialog di bawah dengan teliti .Huraikan pendapat anda tentang **sebab-sebab berlakunya kes penderaan dalam kalangan kanak-kanak**. Panjang huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Imah : Aku hairanlah Jie, kenapalah sejak akhir-akhir ini, asyik dengar cerita orang mendera kanak-kanak dan bayi saja.Macam tidak ada cerita lain langsung.Tidak faham betul aku.

Gie : Apa yang hendak dihairankan . Manusia sekarang sudah hilang sifat perikemanusiaan dan nilai moralnya sudah tidak ada lagi. Sebab itulah mereka tidak rasa bersalah atau berdosa apabila melakukan perkara seperti itu.

Imah : Ya, betul . Aku rasakan mereka sudah tidak takut akan tuhan. Disebabkan pengetahuan agama mereka kurang atau mungkin tiada langsung. Lagipun mereka terpengaruh dengan cerita yang ditonton di televisyen ataupun video.

Gie : Betul tu. Aku setuju. Aku rasakan mereka sudah tidak takut pada undangundang sebab. Jika mereka kena penjara pun bukannya lama.Kalau bernasib baik kena denda saja, lepas itu mereka bebas. Lagipun masyarakat kita bukannya ambil berat sangat dengan perkara ini. Masing-masing sibuk dengan urusan sendiri .

Imah : Kalau macam tu, rosaklah masyarakat kita. Marilah kita berdoa supaya perkara ini dibendung kalau tidak malu kita orang timur.

Gie : Betul tu, aku setuju.

**BAHAGIAN B**

(100 MARKAH)

*(Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit)*

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Disiplin diri merupakan faktor penting untuk melahirkan pelajar yang cemerlang, Jelaskan kepentingan mengamalkan disiplin diri kepada pelajar.
2. Selaku pegawai kesihatan daerah, anda telah dijemput untuk menyampaikan satu ceramah tentang peranan ibu bapa untuk melahirkan keluarga yang sihat. Tuliskan ceramah itu selengkapnya.
3. Kerajaan telah berusaha untuk memajukan industri kraft tangan yang semakin dilupakan oleh rakyat Malaysia. Huraikan langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan industri kraft tangan di negara kita.
4. Wabak ILI dan H1N1 merupakan penyakit berjangkit yang menular di seluruh dunia sejak akhir-akhir ini. Wabak ini telah menimbulkan pelbagai kesan terhadap kesihatan penduduk dan ekonomi sesebuah negara. Jelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mengatasi penularan wabak tersebut.
5. Anda telah meminjam sebuah novel dari pusat sumber sekolah dan mendapati novel tersebut amat menarik. Ulasakan aspek-aspek menarik yang terdapat dalam novel yang telah anda baca itu.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT  
1103/2  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2  
Sept/Okt 2010  
2 1/2 JAM



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI PAHANG

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2010

---

BAHASA MELAYU

Tingkatan 5

Kertas 2

Dua Jam Tiga Puluh Minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi soalan 2(b), soalan 2(c), soalan 2(d) dan soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

*Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak*

**SOALAN 1: RUMUSAN**

[30 MARKAH]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **manfaat makanan organik kepada orang ramai dan langkah-langkah menggalakkan penggunaannya**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Penanaman dan penghasilan makanan organik adalah selari dengan konsep penggunaan lestari. Makanan organik secara amnya adalah makanan seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan haiwan ternakan yang dihasilkan tanpa penggunaan bahan-bahan seperti sisa perkumuhan manusia, sisa pembentungan, sinaran radiasi, bahan makanan tambahan, antibiotik, hormon pertumbuhan dan ubah suai genetik moden.

Tanah tanaman juga bebas daripada penggunaan baja kimia atau racun serangga sekurang-kurangnya tiga tahun. Situasi sedemikian tidak mencemarkan alam sekitar seperti sungai dan tanah kerana tiada penggunaan bahan kimia semasa aktiviti pertanian. Cara penanamannya yang berunsurkan konsep semula jadi termasuk membajak secara tradisional, menggunakan baja semula jadi dan ditanam di tanah yang subur menghasilkan kualiti makanan yang lebih tinggi dan bebas daripada racun serangga. Haiwan ternakan pula diberi makanan organik dan tidak diberi suntikan antibiotik atau hormon pertumbuhan. Justeru, makanan yang dihasilkan mampu mengurangkan pendedahan kepada hormon dan antibiotik.

Orang ramai digalakkan mengambil makanan organik kerana makanan organik yang diproses secara amnya hanya mengandungi bahan atau ramuan organik dan tidak mempunyai sebarang bahan tambahan makanan seperti pengawet, pewarna, dan sebagainya serta mempunyai nilai nutrisi yang lebih tinggi. Pengambilannya secara berterusan mampu memupuk diet dan tabiat pemakanan yang sihat. Makanan organik masih terlalu asing bagi masyarakat di negara ini. Tidak banyak pendedahan mengenainya dilakukan walaupun makanan ini telah popular di beberapa negara lain di dunia. Sebenarnya, memakan makanan organik bukan sahaja mengubah gaya hidup dan kesihatan seseorang malah boleh mengelakkan kos perubatan yang tinggi pada kemudian hari. Walaupun ada yang mengatakan makanan organik ini lebih mahal, namun manfaat implisit di sebaliknya lagi 'mahal' untuk kesihatan jangka masa panjang.

Malah makanan organik juga boleh melindungi generasi akan datang daripada terus memakan makanan yang dicemari selain melindungi kualiti air, mengekalkan nutrien dan lebih penting lagi rasanya lebih sedap berbanding dengan bukan organik. Selain itu, pertanian organik juga menggunakan tenaga yang kurang daripada kaedah pertanian biasa disebabkan tiada penggunaan baja nitrogen. Hal ini menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar dan bumi. Tanaman organik dapat menahan lebih banyak karbon di dalam tanah dan mengurangkan pelepasan karbon dioksida ke atmosfera bahkan tanaman yang dihasilkan tidak mengandungi toksin disebabkan tiada penggunaan bahan kimia dan racun serangga dalam penanamannya.

Sebenarnya membeli makanan organik adalah pelaburan jangka masa panjang. Jika kesihatan kita baik, maka kita tidak perlu mengeluarkan kos yang tinggi untuk perubatan. Selain itu, kita juga tidak dihindangi penyakit yang boleh membuat kita menderita dan yang penting ialah bumi kita selamat daripada racun perosak dan bahan tercemar.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Buletin Pengguna Mei, 2008)

**SOALAN 2 : PEMAHAMAN**  
[35 MARKAH]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata manfaat implisit di sebaliknya. [2 markah]
- (ii) Apakah sumbangan pertanian organik kepada alam sekitar? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah rakyat Malaysia masih kurang mengamalkan pengambilan makanan organik? [4 markah]

**Soalan 2(b) – Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

UMAR : *(Kecewa)* Kenapa mak tak datang?

MAJID : Anak Busu Timah kau potong jambul hari ini...jadi tak ada arahlah, kenalah pergi juga.

UMAR : *(Merungut, tetapi tersenyum lembut)* Hai, tak habis-habis nak potong jambul !  
Kenduri besarlah tu agaknya.

MAJID : Tumbanglah seekor kambing.

IBU : *(Berdiri)* Duduklah dulu Bang Majid. Saya nak ke dapur. *(Berjalan ke pintu, menoleh kepada Safiah)* Mari Piah tolong mak. *(Safiah dan ibunya keluar. Umar dan Ayah diam beberapa ketika.)*

MAJID : Tadi aku tengok... *(diam tak meneruskan cakapnya).*

UMAR : *(Hairan)* Ayah tengok apa ?

MAJID : *(Sedikit ragu)* Piah.

UMAR : *(Bertambah hairan)* Piah ? Kenapa, ayah ?

MAJID : Selalu dia begitu?

UMAR : *(Ingin tahu)* Apa ayah?

MAJID : Dia pakai seluar.

UMAR : *(Mengerti)* Sesekali kalau hari Sabtu atau minggu. Nak ringkas.

MAJID : Nak ringkas tu betul. Tapi kutengok macam sarung nangka.

<http://edu.joshuatly.com/>  
<http://www.joshuatly.com/>

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

UMAR : Mmmmm ! (*Tak tahu menjawab* ).

MAJID : Kalau Lebai Dolah tengok...pengsan agaknya (*senyum lucu*).

(Dipetik daripada *Serunai Malam* antologi Anak Laut, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berdasarkan petikan di atas apakah reaksi Majid terhadap cara Safiah berpakaian .  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi cara berpakaian remaja pada masa ini .  
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai daripada petikan dan **dua** nilai daripada keseluruhan cerpen.  
[3 markah]

### Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

*Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Setelah hari pun mamlah, ia pun datang kepada sarang bayan itu. Lalu ditutupnya lubang bayan itu. Setelah hari siang, maka burung bayan itu pun hendak keluar, dilihatnya pintu lubangnya tumpat ditutup orang. Maka kata bayan, "Hai anakku, apatah kataku? Bahawa sesungguhnya bencana ini daripada cerpelai juga datangnya, tetapi marilah kita muafakat, apabila datang budak itu hendak mengambil kita, maka *kita bermatikan diri kita*."

Setelah sudah tinggi hari, maka budak itu pun datanglah hendak mengambil bayan itu. Maka segala bayan itu pun bermatikan dirinya. Maka pada hati budak itu, "Sungguhlah mati bayan ini, oleh kerana aku lambat datang, lubangnya pun aku tutup; Itulah sebabnya maka ia mati."

Lalu dibuangkan ke tanah segala burung bayan itu. Maka tinggal seekor lagi bayan yang tua itu.

Arakian, setelah bayan yang banyak itu habis jatuh ke tanah berkaparan, maka terbanglah sekaliannya. Setelah dilihat oleh budak itu akan kelakuan bayan itu, maka ia pun marahlah, lalu turun ke tanah, katanya, "Binatang haram jadah ini, ditipunya kita, pura-pura mematikan dirinya. Aku lontarkan ke tanah berkaparan seperti bangkai lalu ia terbang habis. Tetapi baiklah yang tinggal ini kubunuh juga, baharu puas rasa hatiku."

(Dipetik daripada *Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya* antologi Anak Laut, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *kita bermatikan diri kita* ?  
[2 markah]
- (ii) Nyatakan reaksi budak apabila burung bayan yang dibuang dapat terbang semula.  
[3 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, mengapakah budak tersebut berusaha untuk menangkap burung bayan ?  
[3 markah]

### Soalan 2 (d) – Syair

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### SYAIR KELEBIHAN ILMU

Ilmu itulah gemala sakti,  
Sinarnya cerah cahaya sejati,  
Asal puncanya lamun didapati,  
Sukar bercerai sehingga mati.

**Harganya ti dak dapat dinilai,**  
Sebuah dunia belinya bukan,  
Kuasanya besar sukat digunakan,  
Di laut di darat di rimba di pekan.

Masa seorang ialah taulan,  
Teman berbeka suluh berjalan,  
Masa berhimpun ia pengenalan,  
Hias penyata polan si polan.

Bagi yang duka ia penghibur,  
**la penerang bagi yang kabur,**  
Ialah kandil di dalam kubur,  
Lamun dengannya beramal subur.

Ia penerang jalan ke syurga,  
Ia pemuas tekak yang dahaga,  
Ialah sungai ialah telaga,  
Laut yang luas ialah juga.

Ialah alat s sangat berguna,  
Idaman orang yang bijaksana,  
Hamparnya luas amat saujana,  
Tepinya ajal sempadannya fana.

Antologi *Kerusi* ,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

<http://edu.joshuatly.com/>  
<http://www.joshuatly.com/>

[Lihat halaman sebelah  
SULIT



- (i) Berikan maksud rangkai kata yang berikut :

*Harganya tidak dapat dinilai  
la penerang bagi yang kabur*

[2 markah]

- (ii) Terangkan kelebihan ilmu pengetahuan sebagaimana yang dinyatakan dalam syair tersebut.

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara paling baik untuk memperoleh ilmu pengetahuan?.

[4 markah]

### SOALAN 3 : PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN BAHASA

[ 30 MARKAH ]

Jawab **semua** soalan.

- (a) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- |                |                    |
|----------------|--------------------|
| (i) jalin      | (iv) jalinan       |
| (ii) menjalin  | (v) penjalin       |
| (iii) terjalin | (v) memperjalinkan |

[6 markah]

- (b) Baca petikan dialog di bawah dengan teliti dan kemudian tukarkan dialog tersebut kepada petikan biasa dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki mengekalkan susunan dan maksud asalnya.

- Ana : Siti, ikut saya ke perpustakaan pada petang ini.  
Siti : Awak hendak ke perpustakaan untuk apa?  
Ana : Saya hendak mencari maklumat tentang tokoh kemerdekaan.  
Sit : Awak hendak mencari maklumat itu mengapa?  
Ana : Cikgu Rosli meminta saya menulis esei tentang kemerdekaan.  
Siti : Bukankah awak boleh dapatkan maklumat itu melalui Internet?  
Ana : Ya, tapi saya hendak membaca maklumat daripada sumber lain.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat-ayat itu semula.

- (i) Program ini dirancang oleh pehak sekolah untuk membantu para pelajar yang menghadapi masalah kewangan dalam membayar yuran sekolah.
- (ii) Kontraktor akan memperbesarkan dewan sekolah berdasarkan plan yang telah disediakan oleh Jabatan Kerja Raya.
- (iii) Kami tertawa terbahak-bahak apabila kedengaran dialog lucu yang dituturkan oleh pelawak terkenal itu dalam persembahannya.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pegawai bomba itu menjelaskan tentang cara-cara untuk menghindarkan semasa kebakaran berlaku.
- (ii) Berjuta ringgit telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk membaiki kerosakan kemudahan asas akibat perbuatan pihak yang tidak bertanggungjawab.
- (iii) Encik Munir memaklumkan bahawa soal selidik yang akan dibentangkan dalam seminar itu telah beliau siapkan.

[6 markah]

(e) Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian kemukakan **tiga peribahasa** yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam petikan ini.

Ramai dalam kalangan belia yang menceburi bidang pertanian hanya bersungguhsungguh pada peringkat awal sahaja. Apabila usaha mereka tidak memberikan pulangan yang lumayan, mereka tidak lagi berminat untuk meneruskan kerjaya dalam bidang tersebut. Sepatutnya mereka terus berusaha tanpa mengenal erti putus asa kerana usaha yang dilakukan secara berterusan akan memperoleh kejayaan. Dalam mencapai sesuatu matlamat perlu dilakukan dengan penuh keazaman kerana kejayaan tidak dapat dicapai dalam tempoh sekelip mata. Sesungguhnya setiap kejayaan bermula daripada langkah yang pertama.

[6 markah]

**SOALAN 4 : NOVEL**  
**[ 15 MARKAH ]**

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut.*

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah.
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

(a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan dua nilai berdikari yang diterapkan oleh penulis dalam karya mereka.

[ 7 markah]

(b) Unsur suspens merupakan salah satu teknik plot yang sering digunakan oleh pengarang dalam sesebuah novel. Berdasarkan dua buah novel yang anda kaji, jelaskan dua peristiwa yang menggambarkan unsur tersebut.

[ 8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**